

# Lenggong Geopark sasar perluas modul geosekolah


Langkah perkukuh elemen pembangunan komuniti, pendidikan

**Lenggong:** Lenggong Geopark menyasarkan tiga lagi sekolah untuk pembelajaran modul geosekolah, bagi memperkukuh elemen pembangunan masyarakat dan pendidikan dalam ekosistem taman geologi di daerah ini.

Pengerusi Jawatankuasa Geokomuniti di bawah Badan Pengurusan Lenggong Geopark, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata ketika ini ada sebuah sekolah yang menjalani modul berkenaan, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Raban.

“Kita ada ‘Geosekolah Pembangunan Geopark’ yang membabitkan pelajar sekolah. Kita ada satu sekolah rendah dan berharap kita akan bangunkan dua atau tiga lagi yang turut membabitkan sekolah menengah.

“Perkara ini satu daripada langkah penting sebagai penyokong kuat kepada pembangunan kawasan ini, selain mewujudkan Pu-



Shamsul Anuar (kanan) menyaksikan penyerahan sijil penyertaan kursus Geopelancongan Mampan oleh Kherun Nita kepada peserta program selepas merasmikan Pusat Komuniti Lenggong, semalam. (Foto BERNAMA)

sat Komuniti Lenggong oleh pihak Think City, dengan kerjasama Majlis Daerah Lenggong yang akan membantu perkembangan berkenaan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Pusat Komuniti Lenggong, di sini semalam.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Think City, Datuk Hamdan Abdul Majid; Yang Dipertua Majlis Daerah Lenggong, Mohd Amzari Mohd Arzami dan Dekan Fakulti Alam Bina dan Ukur Uni-

versiti Teknologi Malaysia, Prof Dr Kherun Nita Ali.

## Jumlah pelancong melonjak

Selain pendidikan, Shamsul Anuar yang juga Ahli Parlimen Lenggong berkata, Lenggong Geopark turut menumpukan kepada pembangunan keusahawanan tempatan menerusi program geousahawan, khususnya dalam penghasilan kraf tangan, anyaman dan produk berasas-

kan komuniti.

Sementara itu, Mohd Amzari berkata, berdasarkan data pengusaha pelancongan tempatan, kira-kira 22,000 pelancong direkodkan menginap di Lenggong pada 2022, sebelum melonjak kepada 154,000 orang pada 2024.

“Itu satu angka yang besar dan hingga Oktober 2025, kita sudah dapat jumlah lebih kurang 156,000 yang menginap di Lenggong untuk tahun ini,” katanya. BERNAMA